

ETIKA DAN MORAL PROFESIONAL DALAM KALANGAN PELAJAR
SARJANA YANG TELAH MENJALANI PROGRAM LATIHAN MENGAJAR

NORYATI BINTI MOHD JOMUIN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2013

ABSTRAK

Etika dan moral profesional merupakan salah satu elemen yang penting bagi meningkatkan sahsiah untuk kecemerlangan pelajar yang berilmu, berkualiti dan berbudi. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap etika dan moral profesional dalam kalangan pelajar Sarjana yang telah menjalani program latihan mengajar. Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti perbezaan tahap etika dan moral profesional di antara demografi iaitu dari segi jantina dan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 144 orang responden terlibat yang terdiri daripada pelajar Semester III program Sarjana PTV, UTHM yang mengikuti program latihan mengajar 2 sesi Julai 2012. Data dianalisis secara statistik deskriptif dan statistik inferensi dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science Version 16 (SPSS ver 16)*. Penganalisisan data secara statistik deskriptif adalah untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan. Manakala bagi pengujian hipotesis pula, ujian Mann-Whitney U dan Ujian Kruskal Wallis digunakan. Hasil kajian menunjukkan tahap etika dan moral profesional dari aspek amalan profesional adalah baik (skor=38.19%), dari aspek menyelesaikan masalah berkaitan etika adalah pada tahap sederhana (skor= 42.36%) dan dari aspek sikap beretika adalah pada tahap lemah (skor=32.64%). Di samping itu, hasil kajian juga menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap etika dan moral profesional antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap etika dan moral profesional pelajar yang berlainan pencapaian akademik. Berdasarkan dapatan kajian ini, beberapa cadangan telah dikemukakan untuk meningkatkan lagi tahap etika dan moral profesional dalam kalangan guru pelatih.



ABSTRACT

Professional ethics and moral is one important element for improving morale for excellence students who are knowledgeable, qualified and courteous. This study is to identify the level of professional ethics and moral among Master's students in teachers training program. In addition, this study also identified differences in the level of professional ethics and moral among demographic in terms of gender and academic achievement. This is a survey research using the questionnaire as a instrument. A total of 144 respondents which comprise from the third semester of TVE Master's program, UTHM who were involved in teacher's training program 2 in July 2012 sessions. Data were analyzed using descriptive statistics and inferential statistics which is using Statistical Packages for Social Science Version 16 (SPSS ver 16). The descriptive statistical data analysis is to determine the frequency and percentage. While for the hypothesis test, the Mann-Whitney U test and Kruskal Wallis test is used. Results showed that the level of professional ethics and moral in terms of professional practice is at good level (score = 38.19%), in terms of solving problems of ethics is at moderate level (score = 42.36%) and in terms of ethical behavior is at a weak level (score = 32.64 %). In addition, the results indicate no significant differences in the level of professional ethics and moral between boys and girls and there is no significant difference in the level of professional ethics and moral between students with different academic achievement. Based on these findings, several proposals were introduced to raise the level of professional ethics and moral among trainees.



KANDUNGAN

JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN	xvi
BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latarbelakang masalah	4
1.3 Penyataan masalah	6
1.4 Tujuan kajian	7
1.5 Objektif kajian	8
1.6 Persoalan kajian	8
1.7 Hipotesis	9
1.8 Kerangka konsep	9
1.9 Skop kajian	11
1.10 Batasan kajian	11
1.11 Kepentingan kajian	12
1.12 Definisi Operasional	13



	1.13	Penutup	16
BAB 2		KAJIAN LITERATUR	
	2.1	Pengenalan	17
	2.2	Definisi etika dan moral	17
	2.3	Profesion dan profesional	18
	2.4	Perguruan sebagai kerjaya bertaraf profesional	20
	2.5	Etika profesional	21
	2.6	Kod etika profesional	22
	2.7	Kod Etika Perguruan	23
	2.7.1	Etika terhadap masyarakat dan negara	23
	2.7.2	Etika terhadap pelajar	24
	2.7.3	Etika terhadap ibu bapa	24
	2.7.4	Etika terhadap rakan sejawat dan profesion perguruan	25
	2.8	Kepentingan kod etika perguruan	26
	2.9	Etika dan moral profesional dari aspek amalan profesional	27
	2.9.1	Pengamalan profesional	27
	2.9.2	Kesedaran masalah persekitaran	29
	2.9.3	Perlakuan beretika	31
	2.9.4	Sosio-budaya	35
	2.10	Etika dan moral profesional dari aspek menyelesaikan masalah berkaitan etika	36
	2.10.1	Mengenalpasti dilema	37
	2.10.2	Menentukan keputusan	38
	2.10.3	Kesan terhadap keputusan	38
	2.10.4	Membuat keputusan	40
	2.11	Etika dan moral profesional dari aspek sikap beretika	42
	2.11.1	Pertimbangan etika	42
	2.11.2	Kesedaran terhadap etika	43
	2.12	Perbezaan tahap etika dan moral profesional antara demografi	45



2.13	Program latihan mengajar	46
2.13.1	Tujuan program latihan mengajar	46
2.13.2	Kepentingan program latihan mengajar	47
2.13.3	Peraturan program latihan mengajar	47
2.14	Isu etika dan moral dalam perguruan	50
2.15	Penerapan etika dan moral dalam kalangan pelajar	51
2.16	Kesimpulan	53

BAB 3**KAEDAH KAJIAN**

3.1	Pengenalan	55
3.2	Kerangka Kerja Operasi	55
3.3	Reka bentuk kajian	57
3.4	Populasi dan sampel kajian	58
3.5	Lokasi kajian	58
3.6	Instrumen kajian	59
3.6.1	Soal selidik	59
3.6.2	Pembangunan item soal selidik	60
3.7	Kajian rintis	63
3.8	Kesahan instrumen	66
3.9	Proses pengumpulan data	66
3.10	Kaedah penganalisisan data	67
3.11	Penutup	69

BAB 4**ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	70
4.2	Prosedur Menganalisis Data Soal Selidik	71
4.3	Analisis Demografi Responden	71
4.4	Analisis tahap etika dan moral profesional dari aspek amalan profesional.	77
4.4.1	Sub-kriteria pengamalan profesional	73
4.4.2	Sub-kriteria kesedaran masalah persekitaran	74
4.4.3	Sub-kriteria sosio-budaya	75
4.4.4	Sub-kriteria perlakuan etika	76



4.4.5	Tahap etika dan moral profesional dari aspek amalan profesional	77
4.5	Analisis tahap etika dan moral profesional dari aspek menyelesaikan masalah berkaitan etika.	78
4.5.1	Sub-kriteria mengenal pasti dilema	78
4.5.2	Sub-kriteria menentukan keputusan	79
4.5.3	Sub-kriteria kesan terhadap keputusan	80
4.5.4	Sub-kriteria membuat Keputusan	81
4.5.5	Tahap etika dan moral profesional dari aspek menyelesaikan masalah berkaitan etika.	82
4.6	Analisis tahap etika dan moral profesional dari aspek sikap beretika.	82
4.6.1	Sub-kriteria pertimbangan etika	83
4.6.2	Sub-kriteria kesedaran terhadap etika	84
4.6.3	Tahap etika dan moral profesional dari aspek sikap beretika.	85
4.7	Ujian Normaliti	86
4.8	Analisis perbezaan tahap etika dan moral profesional antara jantina	87
4.8.1	Ujian Mann-Whitney U	87
4.9	Analisis perbezaan tahap etika dan moral profesional yang berlainan pencapaian akademik (GPA)	88
4.9.1	Ujian Kruskal Wallis	89
4.10	Penutup	91
BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	93
5.2	Perbincangan	93
5.2.1	Latar belakang responden	94
5.2.2	Tahap etika dan moral profesional pelajar Program Sarjana PTV, UTHM yang telah	95



	mengikuti program latihan mengajar dari aspek amalan profesional	
5.2.3	Tahap etika dan moral profesional pelajar Program Sarjana PTV, UTHM yang telah mengikuti program latihan mengajar dari aspek menyelesaikan masalah berkaitan etika.	97
5.2.4	Tahap etika dan moral profesional pelajar Program Sarjana PTV, UTHM yang telah mengikuti program latihan mengajar dari aspek sikap beretika	100
5.2.5	Analisis tahap etika dan moral profesional antara jantina	102
5.2.6	Analisis tahap etika dan moral profesional pelajar yang berlainan pencapaian akademik (GPA)	103
5.3	Kesimpulan	104
5.4	Cadangan	105
5.5	Penutup	106
	RUJUKAN	107
	LAMPIRAN	112



SENARAI JADUAL

2.1	Badan-Badan Profesional di Malaysia	19
2.2	Etika dan moral profesional	52
2.3	Rubrik etika dan moral profesional	53
3.1	Penentuan Item Soal Selidik	60
3.2	Bahagian A item di dalam borang soal selidik	61
3.3	Bahagian B item di dalam borang soal selidik	62
3.4	Bahagian C item di dalam borang soal selidik	63
3.5	Bahagian D item di dalam borang soal selidik	63
3.6	Statistik Deskriptif Bagi Item Soal Selidik	65
3.7	Aras Kesukaran dan Pengkelasan Item	65
3.8	Tafsiran bagi setiap aras indeks diskriminasi	65
3.9	Spesifikasi Julat Skor Peratusan	68
3.10	Kaedah penganalisaan data	68
4.1	Jadual Taburan Demografi Responden	72
4.2	Taburan item, kekerapan dan peratusan jawapan bagi sub-kriteria pengamalan profesional	74
4.3	Taburan item, kekerapan dan peratusan jawapan bagi sub-kriteria kesedaran masalah persekitaran	75
4.4	Taburan item, kekerapan dan peratusan jawapan bagi sub-kriteria sosio budaya	76
4.5	Taburan item, kekerapan dan peratusan jawapan bagi sub-kriteria perlakuan etika	77
4.6	Tahap etika dan moral profesional dari aspek amalan profesional.	77
4.7	Taburan item, kekerapan dan peratusan jawapan bagi	79

	sub-kriteria mengenal pasti dilema	
4.8	Taburan item, kekerapan dan peratusan jawapan bagi sub-kriteria menentukan keputusan	80
4.9	Taburan item, kekerapan dan peratusan jawapan bagi sub-kriteria kesan terhadap keputusan	81
4.10	Taburan item, kekerapan dan peratusan jawapan bagi sub-kriteria membuat keputusan	81
4.11	Tahap etika dan moral profesional dari aspek menyelesaikan masalah berkaitan etika.	82
4.12	Taburan item, kekerapan dan peratusan jawapan bagi sub-kriteria pertimbangan etika	84
4.13	Taburan item, kekerapan dan peratusan jawapan bagi sub-kriteria kesedaran terhadap etika	85
4.14	Tahap etika dan moral profesional dari aspek sikap beretika.	85
4.15	Ujian normaliti bagi tahap etika dan moral profesional	86
4.16	Min skor bagi tahap etika dan moral profesional antara jantina	88
4.17	Ujian Mann-Whitney U	88
4.18	Min skor bagi tahap etika dan moral profesional pelajar yang berlainan pencapaian akademik (GPA)	90
4.19	Ujian Kruskal Wallis	90
4.20	Keputusan Analisis Data	91



SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka konsep	10
2.1	Hubungan antara teori etika dengan proses membuat keputusan moral	42
2.2	Faktor yang mempengaruhi tingkah laku beretika dan tidak beretika	44
3.1	Carta alir pelaksanaan projek	56



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

A	Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran Program Latihan Mengajar 2	112
B	Carta Gantt Projek Sarjana	115
C	Statistik Pelajar Mendaftar Sarjana PTV (Kerja Kursus) Sem 1 Sesi 2012/2013	116
D	Rubrik Kemahiran Insaniah (Soft Skill) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	117
E	Kajian Rintis	120
F	Pengesahan Borang Soal Selidik	122
G	Analisis Data	127
H	Borang Soal Selidik	137
I	Surat Kebenaran Menjalani Kajian	170



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
PTV	-	Pendidikan Teknikal dan Vokasional
KI	-	Kemahiran insaniah
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
EM	-	Etika dan Moral
SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
TVET	-	<i>Technical and vocational education and training</i>




PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Kehidupan berkerjaya selepas menamatkan pengajian kini kian dipersoalkan lantaran isu pengangguran yang semakin berleluasa dalam kalangan graduan lepasan institusi pengajian tinggi (IPT). Di antara faktor-faktor yang dikenal pasti antara penyebab graduan lepasan IPT tidak mendapat pekerjaan yang setaraf dengan kelayakkan adalah disebabkan oleh kekurangan kemahiran berkomunikasi, tiada sikap persaingan yang positif antara satu sama lain, tidak mahir menyelesaikan masalah yang timbul dan sebagainya. Oleh yang demikian pelbagai inisiatif telah diambil oleh Kerajaan Malaysia dalam menangani isu ini. Antaranya adalah dengan melancarkan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (KI) pada 22 Ogos 2006 oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia.

KI merupakan kemahiran yang merangkumi aspek-aspek kemahiran generik dimana terdapat tujuh elemen yang telah dikenalpasti penting iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, etika dan moral profesional, kemahiran keusahawanan dan kemahiran kepimpinan. Kemahiran generik ini adalah antara elemen yang dikenal pasti amat kritikal dalam dunia pekerjaan yang bersifat global, apatah lagi dengan perubahan teknologi yang

begitu pantas. Oleh itu, graduan IPT mesti menilai serta menguasai KI yang memenuhi dan menepati kehendak pasaran kerja serta kehidupan harian yang kian mencabar (Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi, 2006). Dengan kata lain, kemahiran generik merupakan kemahiran boleh guna yang dapat menyediakan para pelatih IPT sebagai tenaga pekerja yang mahir, cekap dan berketrampilan di tempat kerja.

Namun pada era globalisasi ini, permasalahan etika dan moral merupakan cabaran yang cukup besar dalam menentukan hala tuju peribadi graduan lepasan IPT. Pencapaian yang cemerlang dalam pengajian oleh graduan lepasan IPT tidak akan memberi makna sekiranya para graduan tidak berakhlak baik dari segi moral. Hal ini akan mengakibatkan berlakunya gejala tidak sihat dalam kalangan masyarakat dan akan memberi kesan buruk kepada pembangunan negara. Permasalahan moral dan etika ini harus dibendung sehingga ke akar umbi selaras dengan hasrat Kerajaan Malaysia dalam meningkatkan modal insan setiap golongan masyarakat iaitu merupakan cabaran ke-4 Wawasan 2020, Pelan Integriti Nasional. Modal insan merupakan individu bijak pandai yang mempunyai keyakinan, beretika, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, progresif, aktif, bersemangat patriotik, adil, dan berdaya saing. Oleh yang demikian, dalam mencapai modal insan yang tinggi dalam kalangan graduan lepasan IPT, 'Etika dan Moral Profesional' (EM) turut disenaraikan juga sebagai elemen dalam KI.

EM merupakan kebolehan untuk mengamalkan standard moral yang tinggi dalam amalan profesional dan interaksi sosial (Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi, 2006). Ianya membentuk nilai-nilai sekumpulan manusia yang dilatih secara bersama, di bina untuk mengawal prestasi kerja atau cara menggunakan sumber. Kelakuan dan keputusan yang diambil oleh kumpulan ini adalah berdasarkan kepada peraturan dan nilai yang telah dibina. Antara contoh amalan profesional yang mengamalkan EM adalah seperti jururawat, peguam, jurutera, penyelidik, doktor, akauntan dan sebagainya. Golongan ini menjadikan aturan profesional dan nilai sebagai pegangan diri semasa membuat keputusan, berkelakuan ataupun bertindak mengikut etika yang telah ditentukan.

Dalam era globalisasi ini, pelbagai isu dan permasalahan sering didengari melibatkan EM dalam amalan profesional. Permasalahan jenayah dari golongan



profesional semakin berleluasa dan menjadi bualan ramai sehinggakan terdapat segelintir masyarakat semakin memandang rendah dan tidak percaya terhadap golongan profesional ini. Kes-kes yang melibatkan perbuatan tidak beretika termasuklah gejala rasuah, gangguan seksual di tempat kerja, penyalahgunaan kuasa, penipuan dan sebagainya. Antara contoh-contoh kes etika dan moral dalam kalangan profesional adalah seperti kes khalwat yang melibatkan seorang Ketua Pengarah Kesihatan dan seorang Jururawat Gred U41, Kementerian Kesihatan Malaysia. Tertuduh masing-masing telah didenda RM3,000 dan RM2,900 oleh Mahkamah Tinggi Syariah setelah mengaku bersalah atas tuduhan berkhalwat di sebuah bilik Hotel Pullman Putrajaya (Berita Harian, 2012). Kes ini adalah antara kes yang menjadi tumpuan ramai kerana melibatkan seorang yang berpengaruh.

Selain itu, terdapat juga kes rasuah yang membabitkan seorang bekas pengurus kanan Sime Darby Engineering Sdn. Bhd. Beliau didakwa menerima RM200,000 sebagai suapan ke atas penjualan dan pembinaan tiga buah kapal (Berita Utusan, 2011). Seterusnya, terdapat juga kes jenayah salah guna kuasa yang melibatkan seorang pengetua sekolah menengah agama Al-Madrasah Al-Arabiah An-Nur di Jalan Jaafar, Benut, Pontian. Beliau dihadapkan di Mahkamah Sesyen atas 14 pertuduhan iaitu menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan lebih RM1 juta. Beliau mengarahkan kakitangan dan guru sekolah tersebut untuk mengeluarkan 14 baucar dan 14 cek *Maybank Islamic* yang berbeza nilai. Kemudian, tertuduh didapati telah menandatangani baucar dan cek itu untuk membuat bayaran kerja membekal makanan bermasak di asrama sekolah tersebut kepada Syarikat Hajah Zainab Enterprise yang merupakan syarikat milik isterinya (Harian Metro, 2012). Ketiga-tiga contoh kes tersebut merupakan perlakuan yang bertentangan dengan etika dan moral dari golongan profesional yang dianggap sepatutnya tidak berlaku pada masyarakat masa kini.

Secara keseluruhannya, jika agensi-agensi kerajaan mahupun swasta melaksanakan urusan pentadbiran dengan baik disamping mempunyai etika kerja yang profesional, ia akan mewujudkan kecekapan dan keberkesanan dalam perkhidmatan setiap profesion kerja yang diceburi. Oleh itu, tujuan utama penerapan EM dijalankan di IPT adalah untuk menyediakan satu landasan yang kukuh kepada pasaran kerja agar mempunyai pekerja yang tinggi nilai etikanya.



1.2 Latarbelakang masalah

Etika dan moral adalah sangat penting pada setiap amalan profesional. Begitu juga dengan profesion perguruan pada masa kini. Profesion perguruan adalah antara beberapa jenis pekerjaan yang penting dalam membangunkan masyarakat dan negara. Dalam era globalisasi masa kini, peranan guru kian mencabar. Golongan guru mempunyai tanggungjawab yang besar dalam membentuk sahsiah pelajar dalam melahirkan generasi berintegriti. Jika dilihat matlamat utama pendidikan di Malaysia ialah untuk menampung keperluan tenaga kerja dan mencapai perpaduan negara melalui perkembangan individu yang bersepadu dan menyeluruh dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Bagi merealisasikan hasrat FPK ini, para guru telah diamanahkan untuk menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik bukan sahaja dari segi penyebaran ilmu bahkan dalam pembentukan sahsiah anak didiknya.

Namun begitu, dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik, para guru haruslah memahami dan mempersiapkan diri terutamanya dari segi etika dan moral selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Guru (FPG) “Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin” (Ee, 2005). Etika Perguruan pula menyatakan satu set tingkah laku atau tanggungjawab guru terhadap masyarakat dan negara, pelajar, rakan sejawat dan ibu bapa pelajar. Oleh itu, guru perlu mempunyai tatasusila yang tinggi dan berkomitmen menjalankan tugas sebagai pendidik dengan baik.

Menurut Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd. Khir memberitahu bahawa daripada tahun 1995 hingga tahun 2008, sebanyak 41 kes keruntuhan moral membabitkan guru dilaporkan (Utusan Malaysia, 18 September 2008 dalam Abu & Muhammad, 2010). Antara kes keruntuhan moral adalah seperti perbuatan sumbang mahram dan bersekedudukan. Media juga turut melaporkan kes-kes lain seperti guru memukul murid, guru besar menyembunyikan kes-kes disiplin, guru menyebarkan ajaran anti kerajaan dan sebagainya yang telah menarik perhatian umum. Sehubungan dengan ini, boleh dikatakan bahawa guru



pada masa kini masih belum sepenuhnya mengamalkan nilai moral dan etika yang diperlukan dalam profesion perguruan.

Dalam memupuk EM dalam kalangan para guru haruslah bermula sejak mengikuti latihan perguruan lagi sama ada di maktab mahupun IPT. Ianya adalah sangat penting untuk menjamin kreadibiliti profesion perguruan pada masa akan datang. Melalui latihan perguruan ini, guru pelatih akan diperkenalkan dan memahami EM yang perlu ada ketika menjalani alam pekerjaan yang sebenar. Pengaplikasian EM bagi guru pelatih dapat dilihat melalui program latihan mengajar iaitu merupakan satu mata pelajaran wajib bagi latihan perguruan di maktab dan IPT. Program latihan mengajar memberi peluang kepada guru pelatih mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara reflektif dalam situasi sebenar di dalam kelas di institusi pendidikan (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2012).

Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), EM sangat dititikberatkan contohnya menerusi program latihan mengajar. penerapan EM dapat dilihat berdasarkan kepada salah satu objektif program latihan mengajar iaitu guru pelatih dapat memupuk sikap positif, meningkatkan jati diri, menghayati dan mengamalkan nilai profesionalisme keguruan (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2012).

Seterusnya penerapan EM juga boleh dilihat pada subjek program latihan mengajar 2. Hasil Pembelajaran Program (PLO) bagi program latihan mengajar 2 ini menyatakan guru pelatih seharusnya dapat mempamerkan keterampilan diri menerusi interaksi dalam organisasi. PLO-8 adalah etika dan moral profesional. Manakala aras taksonomi domain Afektif 5 (A5) menyatakan guru pelatih harus memiliki sistem nilai untuk mengawal tingkah laku ketika menjalani Kursus Latihan Mengajar 2 di sekolah-sekolah mahupun institusi pendidikan yang lain. Hasil pembelajaran bagi program latihan mengajar 2 boleh dilihat pada **LAMPIRAN A**.

Oleh yang demikian, UTHM sememangnya tidak ketinggalan memainkan peranan sebagai antara institusi yang melahirkan bakal guru yang diperlukan oleh pasaran kerja bagi memenuhi keperluan pendidikan negara. Peranan UTHM dalam melahirkan guru yang berkualiti adalah sejajar dengan misi utama Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV), UTHM iaitu “Mendidik dan melatih sumber manusia yang profesional bertaraf dunia dalam bidang-bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional untuk mempelopori, mengembang dan mengaplikasikan ilmu dan



teknologi terkini bertunjangkan tauhid” dan usaha ke arah tersebut sedang dan akan giat dilakukan.

1.3 Penyataan masalah

Guru merupakan penjana modal insan dan ejen sosialisasi dalam masyarakat. Oleh itu nilai-nilai utama yang patut diamalkan oleh guru adalah berbudi pekerti, ramah mesra, keharmonian, kemahiran sosial, semangat bermasyarakat, patriotisme dan kecintaan terhadap alam sekitar (Suhaimi, Hamzah & Udin, 2011). Begitu juga guru pelatih yang sedang mengikuti latihan perguruan haruslah mempunyai etika dan moral yang tinggi sebagai dasar untuk menjadi seorang pendidik yang berketrampilan.

Seperti yang diketahui, semua guru pelatih akan menjalani program latihan mengajar iaitu merupakan kurikulum wajib dalam latihan perguruan bagi membolehkan mereka mempraktik input yang diperolehi dari universiti-universiti atau maktab perguruan dalam situasi sebenar di sekolah. Tidak ketinggalan dalam menjalani program latihan mengajar, guru pelatih turut mengalami masalah berkaitan etika dan moral. Masalah guru pelatih adalah kurang bersedia dari segi mental dan juga ilmu pengetahuan yang perlu dikuasai oleh mereka. Mereka tidak dapat mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan universiti disebabkan oleh ketidaksediaan untuk menjalani latihan mengajar (Hamid, 2003). Selain itu, Azwan dalam Clement (2006) menjelaskan terdapat kes-kes guru pelatih yang tidak berdisiplin, seperti berambut panjang, datang lambat, dan berpakaian tidak sesuai dengan profesion perguruan. Harun (2006) pula menjelaskan dalam hasil kajiannya mendapati bahawa prestasi guru pelatih semasa latihan mengajar masih belum mencapai tahap yang membanggakan. Guru pelatih didapati selalu menyalahkan pelajar jika hadapi masalah atau berlaku kesilapan dalam kelas, tidak suka mengajar dan lemah dalam pengurusan masa. Begitu juga Yahya & Omar (2010) dalam kajiannya mendapati guru pelatih merasa terbeban dengan tugas yang diberikan sehingga tidak mampu melakukan tugas yang seharusnya mereka lakukan.

Berdasarkan temubual dengan penyelarar dan penyelia program latihan mengajar UTHM, kebanyakan guru pelatih yang memperolehi keputusan gagal dalam program latihan mengajar adalah disebabkan oleh pelajar gagal menyerahkan buku persediaan mengajar dan portfolio latihan mengajar semasa pengajaran kepada pensyarah yang datang untuk menyelia. Pelajar didapati tidak membuat rancangan mengajar seperti yang telah ditetapkan oleh peraturan latihan mengajar, UTHM. Selain itu, pelajar turut didapati mempunyai masalah disiplin seperti gagal berpakaian mengikut etika, masalah kehadiran dan sebagainya (Sikor, A. & Mohamed, M., komunikasi peribadi, Januari 8, 2013).

Sekiranya permasalahan seperti ini tidak dibendung dengan segera, tentulah ia akan memberi impak yang negatif terhadap bidang perguruan di Malaysia. Tambahan pula, semua guru pelatih akan menjalani program latihan mengajar di pelbagai institusi pendidikan yang dianggap sebagai percubaan mereka sebelum bergelar sebagai seorang guru. Disebabkan oleh permasalahan tingkah laku yang berlaku dalam kalangan guru pelatih ini, maka kajian ini sangat perlu dijalankan untuk melihat sejauh mana etika dan moral profesional yang diterapkan melalui hasil pembelajaran (LO) program latihan mengajar ini. Disamping itu, kajian ini dapat memberi panduan kepada pihak IPT untuk menerapkan etika dan moral profesional secara berkesan di dalam kurikulum program latihan perguruan sekaligus dapat mengangkat martabat profesion perguruan. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap etika dan moral profesional dalam kalangan pelajar Sarjana PTV, UTHM yang telah mengikuti program latihan mengajar.

1.4 Tujuan kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap etika dan moral profesional dalam kalangan pelajar Program Sarjana PTV, UTHM yang telah mengikuti program latihan mengajar. Tajuk ini meliputi aspek amalan profesional (perguruan), aspek menyelesaikan masalah berkaitan etika dan aspek sikap beretika.

1.5 Objektif

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i) Mengetahui tahap etika dan moral profesional pelajar Program Sarjana PTV, UTHM yang telah mengikuti program latihan mengajar dari aspek amalan profesional.
- ii) Mengetahui tahap etika dan moral profesional pelajar Program Sarjana PTV, UTHM yang telah mengikuti program latihan mengajar dari aspek menyelesaikan masalah berkaitan etika.
- iii) Mengetahui tahap etika dan moral profesional pelajar Program Sarjana PTV, UTHM yang telah mengikuti program latihan mengajar dari aspek sikap beretika.
- iv) Mengetahui perbezaan tahap etika dan moral profesional pelajar Program Sarjana PTV, UTHM yang telah mengikuti program latihan mengajar mengikut demografi responden.

1.6 Persoalan kajian

Kajian ini adalah untuk menjawab persoalan seperti berikut:

- i) Apakah tahap etika dan moral profesional pelajar Program Sarjana PTV, UTHM yang telah mengikuti program latihan mengajar dari aspek amalan profesional?
- ii) Apakah tahap etika dan moral profesional pelajar Program Sarjana PTV, UTHM yang telah mengikuti program latihan mengajar dari aspek menyelesaikan masalah berkaitan etika?
- iii) Apakah tahap etika dan moral profesional pelajar Program Sarjana PTV, UTHM yang telah mengikuti program latihan mengajar dari aspek sikap beretika?

- iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap etika dan moral profesional antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan?
- v) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap etika dan moral profesional pelajar yang berlainan pencapaian akademik (GPA)?

1.7 Hipotesis

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap etika dan moral profesional pelajar Program Sarjana PTV, UTHM yang telah mengikuti program latihan mengajar. Sehubungan itu, terdapat dua persoalan kajian yang menuntut penjelasan, iaitu ‘Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap etika dan moral profesional antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan?’ dan ‘Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap etika dan moral profesional pelajar yang berlainan pencapaian akademik (GPA)?’. Oleh itu, persoalan kajian ini mengandungi dua hipotesis kajian, iaitu seperti berikut:


Ho₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap etika dan moral profesional antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Ho₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap etika dan moral profesional pelajar yang berlainan pencapaian akademik (GPA).

1.8 Kerangka konseptual

Kerangka konseptual adalah merujuk kepada hubungan antara beberapa faktor yang telah dikenalpasti sebagai penting dalam permasalahan kajian yang akan diukur. Dalam kajian ini, konsep yang digunakan merupakan salah satu elemen yang terdapat dalam

modul kemahiran insaniah iaitu etika dan moral profesional. Etika dan moral profesional ini melibatkan kebolehan untuk mengamalkan standard moral yang tinggi dalam amalan profesional dan interaksi sosial. Oleh itu, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah mencadangkan 3 tahap etika dan moral profesional yang perlu dikuasai oleh pelajar iaitu amalan profesional, menyelesaikan masalah berkaitan etika dan sikap beretika. Ketiga-tiga tahap ini sangat penting dalam pembentukan etika dan moral dalam amalan profesional. Oleh itu, ketiga-tiga tahap ini digunakan sebagai panduan dan kerangka konseptual dalam menyelesaikan permasalahan kajian ini. Rajah 1.1 merupakan keterangan bagi tiga tahap tersebut yang digunakan sebagai kerangka konseptual bagi kajian ini:



Rajah 1.1: Kerangka konsep
(Adaptasi dari Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi, 2006)

1.9 Skop kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap etika dan moral profesional pelajar Program Sarjana PTV, UTHM yang telah menjalani program latihan mengajar. Kajian ini meliputi tiga aspek etika dan moral yang akan diuji iaitu amalan profesional, menyelesaikan masalah berkaitan etika dan sikap beretika.

Lokasi kajian adalah di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang terletak di Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Maka, populasi kajian adalah terdiri dari pelajar-pelajar program Sarjana PTV di Fakulti PTV, UTHM yang telah menjalani program latihan mengajar. Manakala sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Semester III program Sarjana PTV di Fakulti PTV, UTHM yang telah menjalani program latihan mengajar sesi Julai 2012 dimana saiz sampelnya adalah seramai 145 orang responden. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah tinjauan. Manakala instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik. Penganalisaan data adalah secara kuantitatif dimana ianya dilakukan dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif dan statistik inferensi.

1.10 Batasan kajian

Kajian ini ditumpukan di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Kajian ini terbatas kepada pelajar Semester III, program Sarjana PTV yang telah menjalani program latihan mengajar sesi Julai 2012. Meskipun populasi sasaran telah disoal selidik tetapi saiz populasi yang diperolehi berkemungkinan adalah tidak mencukupi untuk membuat satu kesimpulan tentang tahap etika dan moral profesional pelajar Program Sarjana PTV, UTHM yang telah menjalani program latihan mengajar.

Selain itu, kajian ini juga dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui instrumen soal selidik. Dengan ini, segala maklumat mengenai responden adalah berdasarkan maklum balas melalui soal selidik. Oleh itu, kebolehpercayaan

dapatan kajian adalah bergantung kepada kebolehan dan keikhlasan responden menjawab borang soal selidik. Disamping itu, faktor- faktor seperti kewangan, masa, kerjasama pelbagai pihak dan sebagainya merupakan kekangan yang harus ditempuhi sepanjang kajian ini dijalankan.

1.11 Kepentingan kajian

Kajian ini dibuat adalah untuk mengenal pasti tahap etika dan moral profesional pelajar Program Sarjana PTV, UTHM yang telah mengikuti program latihan mengajar. Oleh itu, hasil kajian ini adalah sangat berguna dan amat penting kepada pihak-pihak tersebut seperti berikut:

1.11.1 Pelajar Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan diharap dapat membantu pelajar untuk memahami dan menambahbaik tahap etika dan moral profesional mereka disamping dapat meningkatkan modal insan yang bermutu sebelum berkhidmat sebagai guru kelak.

1.11.2 Industri

Hasil kajian ini diharap dapat memperkembangkan dan meningkatkan potensi para pelajar disamping memenuhi kualiti guru yang diperlukan oleh pasaran kerja.

1.11.3 Institusi pengajian tinggi

Hasil daripada dapatan kajian yang dijalankan boleh dijadikan sebagai landasan oleh institusi pengajian tinggi untuk merancang kurikulum yang lebih mantap bagi menyediakan guru yang lebih berkualiti.

1.11.4 Pengkaji akan datang

Hasil dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan serta rujukan kepada pengkaji akan datang untuk menjalankan kajian dalam bidang yang sama.

1.12 Definisi operasional

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang perlu diberi penjelasan dengan terperinci kerana ianya akan digunakan untuk keperluan kajian ini. Antaranya ialah:

1.12.1 Etika

Satu sistem dasar akhlak atau tingkahlaku atau kesusilaan (Dewan Bahasa & Pustaka, 1995). Etika adalah sesuatu yang berkaitan dengan keupayaan seseorang untuk membezakan antara yang betul atau salah. Etika adalah lebih bersifat teori.



1.12.2 Moral

Moral adalah berasal dari perkataan Latin iaitu *moralis* yang bermaksud adat, budi pekerti atau adab (Fooi, 2005). Moral yang baik adalah segala tingkah laku yang terdiri dari nilai dan aspirasi yang telah diterima oleh sesuatu masyarakat. Moral lebih bersifat amalan atau praktikal.

1.12.3 Profesional

Profesional adalah satu set ciri pengetahuan, kepakaran, sikap, dan nilai dalam sesuatu profesion (Sulaiman 2003). Dalam konteks kajian ini, profesional merujuk kepada seseorang yang pakar dalam bidang perguruan, sentiasa mengembangkan pengetahuan dan kemahirannya, serta memberi perkhidmatan yang berkualiti sesuai dengan standard moral dan etika yang ditentukan oleh profesion perguruan.

1.12.4 Etika dan moral profesional

Berdasarkan konteks kajian ini, etika dan moral profesional merujuk kepada semua garis panduan yang bertujuan meningkatkan tahap kualiti, produktiviti dan disiplin dalam perkhidmatan dengan memberi penekanan terhadap semua aspek yang berkaitan dengan peraturan dan peradaban, peranan nilai, serta tingkah laku dalam profesion perguruan terhadap masyarakat (UTHM, 2007). Kod etika guru merupakan panduan utama amalan perguruan.

1.12.5 Program latihan mengajar

Program latihan mengajar merupakan komponen dalam kurikulum latihan perguruan praperkhidmatan yang berlandaskan kepada hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru. Ia menyediakan peluang bagi guru pelatih mempraktikkan teori dalam amalan pengajaran pembelajaran yang sebenar serta menghasilkan teori pengajaran pembelajaran yang tersendiri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006).

1.12.6 Amalan profesional

Dalam konteks kajian ini, amalan profesional adalah amalan guru pelatih dalam menguasai strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran disamping menyemai dan memupuk amalan nilai-nilai murni dan etika keguruan dalam diri ketika menjalani latihan mengajar (Deraman, 2012).

1.12.7 Menyelesaikan masalah berkaitan etika

Menyelesaikan masalah berkaitan etika merupakan suatu proses mental yang melibatkan seseorang itu bertindak untuk memilih satu pilihan terbaik daripada beberapa pilihan yang ada berdasarkan tujuan dan kriteria-kriteria tertentu (BPG, 1995).

1.12.8 Sikap beretika

Dalam konteks kajian ini, sikap beretika merangkumi proses membuat pertimbangan etika, mempunyai komitmen untuk bertindak dan mengamalkan etika dalam kehidupan seharian disamping menjalankan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat (UTHM, 2007)

1.13 Penutup

Etika dan moral merupakan satu elemen penting yang perlu ada bagi setiap guru yang berkecambah sebagai satu kompetensi dalam diri mereka. Justeru, seseorang bakal guru yang ingin berjaya dan menerajui diri akan memastikan bahawa mereka berusaha sedaya mungkin untuk mengadakan nilai moral yang diperlukan dalam memastikan diri mencapai modal insan yang bermutu. Perkara yang penting ialah sikap diri dan kemampuan diri yang lahir daripada nilai moral yang dipelajari. Sesungguhnya, pengetahuan yang diperolehi samada di dalam bilik kuliah mahupun di luar bilik kuliah akan memantapkan lagi etika dan moral dalam diri bakal guru.



BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan menerangkan panduan etika dan moral profesional yang perlu ada dalam setiap profesion khususnya profesion perguruan. Antara perbincangan yang akan ditumpukan termasuklah penerangan secara terperinci etika dan moral dalam amalan profesional (perguruan), etika keguruan, program latihan mengajar, serta isu etika dan moral dalam kalangan profesion perguruan.

2.2 Definisi etika dan moral

Etika dan moral mempunyai definisinya yang tersendiri. Terdapat pelbagai definisi etika yang telah diberikan oleh pengkaji yang lepas. Di antaranya menurut Foori (2005) perkataan etika berberasal dari perkataan Greek iaitu *ethos* yang bermaksud budaya atau keperibadian. Etika adalah sesuatu yang berkaitan dengan keupayaan seseorang untuk membezakan antara yang betul dan salah dan seterusnya melakukan sesuatu yang betul (Hassan, Silong & Muslim, 2009). Kamri (2008) pula mendefinisikan etika sebagai perwatakan, tingkah laku dan sekumpulan prinsip

moral yang mempengaruhi kelakuan. Menurut beliau etika juga didefinisikan sebagai suatu set nilai, norma serta asas moral yang menentukan dan membezakan sesuatu tindakan manusia itu sama ada betul atau salah, baik atau buruk. Oleh itu dapat disimpulkan etika merupakan satu keadaan pengamalan asas moral yang merangkumi kelakuan atau tindakan yang betul dalam kehidupan yang baik.

Manakala moral pula berasal dari perkataan Latin iaitu *moralis* yang bermaksud adat, budi pekerti atau adab (Fooi, 2005). Moral yang baik ialah segala tingkah laku yang terdiri daripada nilai adat dan aspirasi yang telah diterima oleh sesuatu masyarakat terhadap sesuatu tingkah laku baik yang menentukan kehidupan individu dan masyarakat (Bahrin, Elias & Abd. Hamid 2003). Norma-norma moral merupakan pengukuran dalam menentukan betul dan salahnya sikap dan tindakan individu. Perkembangan moral pula adalah suatu proses seseorang mengamalkan nilai-nilai atau perilaku yang diterima oleh masyarakat.

Menurut Bahrin et. al., (2003), etika dan moral merupakan dua perkataan yang berbeza dari segi sebutan tetapi membawa pengertian yang sama. Dimana etika adalah lebih bersifat teori. Manakala moral pula lebih bersifat amalan atau praktikal. Oleh yang demikian dapat disimpulkan etika dan moral saling berkait rapat dalam mengamalkan tingkahlaku yang baik dalam kehidupan yang diterima oleh masyarakat.

2.3 Profesion dan profesional

Al-Qudsy, Rahman & Mohd Zain (2009) telah mendefinisikan profesion sebagai pekerjaan yang memerlukan latihan khas dan kemahiran yang tinggi. Manakala profesional pula merujuk kepada profesion individu sebagai suatu pekerjaan yang tetap dan menghasilkan pendapatan utamanya. Satu lagi pandangan tentang profesion dan profesional dikemukakan oleh Sulaiman (2003). Beliau menyatakan profesion merupakan pekerjaan yang memerlukan pengetahuan dan kepakaran tertentu. Manakala profesional pula seseorang yang pakar dalam bidang tertentu, sentiasa mengembangkan pengetahuan dan kemahirannya, serta memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Menurut Martin & Schiuzer dan Bayles dalam Johari (2001),



perkataan profesion dan profesional hanya boleh digunakan dalam bidang pekerjaan tertentu yang memenuhi kriteria khusus seperti berikut:

- i) Ilmu pengetahuan
Kerja atau tugas profesional memerlukan pengetahuan dari segi ‘bagaimana’ dan ‘apa’ kemahiran yang sofistikated (knowing-how) dan ilmu teori (knowing), untuk membuat penilaian dan melakukan budi bicara. Amalan ini memerlukan ilmu pengetahuan yang mencukupi dan mendalam.
- ii) Latihan intensif dan berterusan
Sebagai kriteria menjadi seorang guru, seseorang terpaksa mengikuti kursus yang menawarkan komponen intelektual di universiti selama empat hingga enam tahun. Hal ini jauh berbeza dengan golongan bukan profesional seperti tukang jahit, tukang paip, dan tukang kasut yang tertumpu kepada kemahiran fizikal dan psikomotor.
- iii) Perkhidmatan penting untuk masyarakat
Profesional memberikan perkhidmatan yang penting kepada masyarakat agar dapat terus berfungsi. Contohnya guru bertanggungjawab mendidik anak muridnya, doktor bertanggungjawab ke atas hal kesihatan, peguam melindungi hak seseorang dan jurutera memastikan keselamatan dan kebajikan awam.
- iv) Badan profesional
Hampir semua bidang profesion mempunyai badan profesional yang mewakili mereka. Di Malaysia, misalnya terdapat badan-badan profesional seperti berikut:

Jadual 2.1: Badan-Badan Profesional di Malaysia
(Johari, 2001)

Profesion	Profesional
Doktor	Persatuan Perubatan Malaysia
Peguam	Majlis Peguam Malaysia
Jurutera	Lembaga Jurutera Malaysia
Arkitek	Pertubuhan Arkitek Malaysia
Akauntan	Institut Perakaunan Malaysia
Kaunselor	Persatuan Kaunseling Malaysia

Badan-badan ini bertanggungjawab dalam menentukan standard kemasukan dalam profesion berkenaan, menyediakan kod etika dan mengawal tingkahlaku ahlinya. Pada masa yang sama badan-badan ini juga mewakili pihak masyarakat dan kerajaan.

v) Pensijilan (pentauliahan)

Pengamalan sesuatu profesion perlu mendapat sijil atau lesen yang dikeluarkan oleh badan profesional masing-masing.

vi) Bersifat Autonomi

Profesional biasanya mempunyai autonomi dalam membuat sebarang keputusan penting dan penilaian mengenai hal-hal yang berkaitan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan profesionnya. Menurut Perkey dalam Sulaiman (2003), ahli profesional tidak diselia dalam menjalankan tugas, sebaliknya mereka bertanggungjawab menjalankan tugas, menyelia diri sendiri, dan dedikasi ke arah menyediakan perkhidmatan daripada hanya memenuhi syarat minimum pekerjaan.

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih profesion perguruan yang merupakan golongan profesional yang terlibat dalam bidang pendidikan sebagai fokus utama kajian ini.

2.4 Perguruan sebagai kerjaya bertaraf profesional

Perguruan merupakan salah satu kerjaya yang dianggap bertaraf profesional pada masa kini walaupun tiada badan profesional yang mengeluarkan lesen perguruan. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah menegaskan bahawa para pendidik tempatan tidak perlu memiliki lesen perguruan yang dikeluarkan oleh mana-mana badan profesional bagi mengajar di sekolah-sekolah di seluruh negara. Walaubagaimana pun Kerajaan Malaysia telah mempunyai sistem tersendiri bagi menilai prestasi guru-guru yang sedang berkhidmat (Berita Utusan, 23 Mei 2010).

Menurut Abd. Ghani & Zakaria (2011), bidang perguruan merupakan satu kerjaya profesional. Ia memerlukan latihan ikhtisas untuk mendidik murid-murid di

sekolah. Biasanya, sebelum seseorang itu menjadi guru, dia perlu menerima latihan dalam institusi perguruan untuk menjadi seorang guru yang bertauliah. Begitu juga kenyataan Suratman, Mustari, Abdullah, Jasmi & Azmi (2006), beliau menyokong profesion perguruan merupakan salah satu daripada cabang kerjaya yang profesional. Mohd Noor & Rameli (2011) pula berpendapat kebanyakan pekerjaan profesional memerlukan banyak tugas perkeranian. Hal ini termasuklah juga profesion perguruan. Guru sebagai profesional yang memberikan pengajaran dan didikan kepada pelajar sudah pasti akan diamanahkan dengan tanggungjawab yang berat dalam mengharungi perubahan-perubahan tersebut (Ee, 2006).

Umumnya kerjaya profesional mempunyai satu kod etika yang telah ditentukan oleh organisasi masing-masing untuk memberi panduan kepada ahli-ahlinya. Begitu juga dengan perkhidmatan perguruan dimana ia diasaskan oleh satu kod etika yang menggariskan tatasusila dan tingkah laku guru dalam perkhidmatan. Selain itu, Fooi (2005) menjelaskan salah satu kriteria profesion yang diketengahkan oleh Lieberman iaitu autonomi atau dengan mudahnya bermaksud kuasa. Guru-guru diberi autonomi dalam membuat keputusan dari segi kurikulum, pedagogi, penilaian, dan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran. Guru memerlukan autonomi (walaupun terhad seperti yang telah ditentukan oleh pihak kementerian) dalam aspek yang telah dinyatakan untuk berperanan sebagai pendidik yang professional. Oleh yang demikian tidak dapat disangkal lagi bahawa profesion perguruan merupakan salah satu kerjaya profesional yang dipandang tinggi sejak dulu lagi.

2.5 Etika profesional

Johari (2001) mentakrifkan etika profesional sebagai suatu alat kawalan sosial terhadap golongan profesional yang membolehkan organisasi dan masyarakat mengawasi dan menilai tingkahlaku mereka dari semasa ke semasa. Ianya merupakan mekanisme kawalan sosial terhadap golongan profesional daripada pelbagai bidang profesion. Secara khusus etika profesional menekankan perkara seperti berikut:

- i) Menjaga kepentingan individu, masyarakat dan alam sekitar secara berterusan.
- ii) Mengelakkan daripada berlakunya konflik antara kepentingan diri dengan umum (masyarakat).
- iii) Mengelakkan penyalahgunaan kuasa, pangkat, kedudukan dan maklumat tertentu untuk kepentingan diri sendiri.

2.6 Kod etika profesional

Di dalam amalan profesional, contohnya seperti Lembaga Jurutera Malaysia, merupakan organisasi profesional yang membangunkan undang-undang yang sesuai untuk dijalankan dan diaplikasikan kepada ahli-ahli di dalam profesionnya. Kod ini akan menjadi moral standard terhadap profesion ini. Kamri (2008), menjelaskan kod etika sebagai etika yang dibentuk secara formal, ditulis dengan jelas dan dinyatakan dalam bentuk yang sistematik. Ia merupakan prinsip kelakuan dan piawaian moral yang difikirkan betul dari segi sosial, keagamaan dan sivil bagi sesebuah kumpulan, profesion mahupun individu. Dalam konteks organisasi, kod etika merujuk kepada suatu dokumen rasmi yang menyatakan nilai-nilai utama sesebuah organisasi dan peraturan-peraturan etika untuk dipatuhi oleh semua ahli dalam organisasi.

Menurut Sulaiman (2003), kod etika memberi penekanan terhadap aspek-aspek seperti berikut:

- i) Norma-norma profesional yang perlu dipatuhi.
- ii) Akauntabiliti dan tanggungjawab profesional.
- iii) Bentuk-bentuk penyelewengan yang perlu dihindarkan.
- iv) Bentuk-bentuk hukuman yang perlu dihindarkan.
- v) Norma-norma profesional yang diterjemahkan dalam tingkah laku yang khusus.

Bagaimanapun Fooi (2005), menjelaskan antara salah satu prinsip umum yang diterima pakai dalam pembentukan kod etika kebanyakan profesion ialah tanggungjawab seseorang ahli untuk memberikan perkhidmatan yang tahap kecekapannya diiktiraf.



2.7 Kod etika perguruan

Kreadibiliti sesuatu profesion dapat ditingkatkan melalui kewujudan amalan iaitu suatu piawai etika yang relevan mengikut peredaran masa. Begitu juga dengan profesion perguruan. Menurut Sulaiman (2003), Etika Perguruan yang digubal pada tahun 1970-an semasa Skim Gaji Aziz telah diperkenalkan kepada kakitangan kerajaan. Etika perguruan ialah satu set tingkah laku atau tanggungjawab guru terhadap masyarakat dan negara, pelajar, rakan sejawat dan ibu bapa pelajar. Oleh itu, setiap guru hendaklah menjalankan tugas tanpa melanggar etika ini. Berikut merupakan Kod Etika Profesion Perguruan yang mengandungi empat tanggungjawab bagi guru iaitu:

2.7.1 Etika terhadap masyarakat dan negara

Segala perlakuan dan etika guru hendaklah mengambilkira keperluan masyarakat dan negara dalam menjalankan tugas. Di antara panduan yang perlu dipatuhi oleh guru dalam menjalankan tugas adalah seperti berikut:

- i) Mengelakkan diri daripada menyebarkan sesuatu ajaran yang boleh merosakkan kepentingan pelajar, masyarakat atau negara, ataupun yang bertentangan dengan Rukun Negara.
- ii) Memupuk dalam diri setiap pelajar dengan sikap dan nilai yang boleh membantu dan membimbing mereka untuk menjadi warganegara yang taat setia, bertanggungjawab dan berguna, menghormati orang yang lebih tua, dan menghormati adanya perbezaan kebudayaan, keturunan serta agama.
- iii) Menghormati masyarakat setempat di tempat berkhidmat dan memenuhi segala tanggungjawab sebagai warganegara dan sentiasa mengambil bahagian dalam kegiatan masyarakat.
- iv) Menggalakkan kerjasama dan persefahaman antara guru dan ibu bapa, institusi pendidikan dengan masyarakat.

- v) Memberi sumbangan untuk meninggikan kehidupan moral, kebudayaan dan cendekiawan masyarakat.
- vi) Berpegang kepada tingkah laku yang sopan yang diterima oleh masyarakat, dan menjalani kehidupan sehari-hari dengan baik.

2.7.2 Etika terhadap pelajar

Guru memainkan peranan penting dalam mendidik pelajar-pelajar yang sememangnya mempunyai pelbagai perkembangan fizikal, emosi, rohani dan intelek yang berbeza antara satu sama lain. Oleh itu tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh guru dalam menjalankan tugas termasuklah:

- i) Lebih mengutamakan kebajikan dan keselamatan pelajar daripada hal lain.
- ii) Bersikap adil terhadap setiap pelajar tanpa mengira faktor jasmani, mental, emosi, politik, ekonomi, sosial, keturunan atau agama.
- iii) Menunjukkan satu cara berpakaian, pertuturan, dan tingkah laku yang dapat memberi contoh yang baik kepada pelajar.
- iv) Membimbing dan mengajar seseorang pelajar di bilik darjah sendiri atau dalam mata pelajaran yang diajar di bilik darjah tanpa sebarang bayaran.
- v) Memelihara dan memperbaiki kecekapan ikhtisas melalui pengkajian, lawatan, menghadiri kursus ikhtisas, persidangan, mesyuarat atau seminar supaya pengajaran mencapai mutu yang tinggi.

2.7.3 Etika terhadap ibu bapa

Guru haruslah mempunyai tingkah laku yang baik terhadap ibu bapa pelajar. Di antara tanggungjawab yang perlu dipatuhi guru terhadap ibu bapa pelajar termasuklah:

- i) Menghormati tanggungjawab utama ibu bapa terhadap anak-anak mereka.

RUJUKAN

- Abu, B. & Muhammad, S. (2010). *Pengetahuan Etika Profesion Perguruan Dalam Kalangan Guru Pelatih 4SPH Fakulti Pendidikan UTM*. Universiti Teknologi Malaysia: Degree's Thesis.
- Abu, M. S. & Tasir, Z. (1992). *Pengenalan kepada analisis data berkomputer SPSS 10.0 for windows*. Batu Caves, Selangor: Venton Publishing Sdn. Bhd.
- Abd. Ghani, F. & Zakaria, M. (2011). *Profil personaliti dan faktor pemilihan profesion perguruan di kalangan pelajar kejuruteraan Fakulti Pendidikan UTM*. UNSPECIFIED . pp. 1-9. (Unpublished).
- Abdullah, A. G. & Ismail, A. (2007). Kesediaan Memperkasa Pendidikan Pembangunan Lestari Oleh Pengurus Pendidikan Sekolah: Satu Kajian Kes. *Jurnal* .Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Rahman, H. (2009). Penglibatan Masyarakat Awam di Malaysia dalam Isu Berkaitan Persekitaran. *Jurnal Sarjana Jilid 24, Bilangan 2*.
- Ahmad, S., Idris, K. & Ismail, A. (2009). *Dimensi amalan etika profesion*. MALIM: *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, 10*. pp. 17-38.
- Bahrin, K., Elias, S. & Abd. Hamid, O. (2003). *Kajian Kesedaran dan Pengamalan Etika Perniagaan Mengikut Perspektif Islam*. Universiti Teknologi Mara: Degree's Thesis.
- Berita Utusan. (2010). Lesen perguruan tidak akan dilaksana. Utusan Melayu (M) Berhad, 22 Mei 2010.
- Berita Harian. (2012). SPA masih tunggu laporan kes khalwat KP Kesihatan . Berita Harian, 16 November 2012.
- Berita Utusan. (2011). SPRM teruskan perbicaraan kes rasuah Sime Darby. Harian Online, 1 jun 2011.

- BPG. (1995). *Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif: Model Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Unit Kurikulum, Bahagian Pendidikan Guru.
- Buntat, Y. & Omar, N. (2010). *Cabaran guru-guru pelatih tahun tiga sarjana muda teknologi serta pendidikan (kemahiran hidup) sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui*. pp. 1-9. (Unpublished)
- Clement, E. S. L. (2006). *Persepsi pelajar PKPG Terhadap Personaliti Pelajar Perdana Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, UTM Skudai: Satu Tinjauan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. Degree's Thesis.
- Darusalam, G. (2010). *Kesahan Dan Kebolehpercayaan Dalam Kajian Kualitatif dan Kuantitatif*. Bangi: Maktab Perguruan Islam.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1996). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur.
- Deraman, M. Y. (2012). *Amalan Profesional (Praktikum)*. IPG Kota Bharu.
- Ee, A. M. (2005). *Ilmu pendidikan pengetahuan dan ketrampilan ikhtisas*. 2nd ed. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ee, S. K. (2006). *Stres kerja di kalangan guru sekolah teknik di sekolah menengah teknik di Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan*. Thesis: Universiti Teknologi Malaysia, Jabatan Asas Pendidikan.
- Fooy, F. S. (2005). *Etika perguruan jaminan peningkatan profesional*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Hassan, N. (2004). *Hubungan di antara penggunaan bahan bantu mengajar dengan minat pelajar tahun lima di Sekolah Kebangsaan Kem, Pengkalan Chepa, Kelantan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Thesis Ijazah Sarjana Muda.
- Hamdan, A. R. & Ayop, A. F. (2010). *Kesesuaian Isi Kandungan, Masa, Kemudahan Dan Alatan, Dan Kaedah Tunjukkan (Demonstrasi) Dalam Matapelajaran Kemahiran Teknikal Peringkat Menengah Rendah Dari Perspektif Guru-Guru Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah Di Daerah Kluang*. pp. 1-11. (Unpublished).
- Hamid, M. F. (2003). *Masalah praktikum di kalangan guru-guru pelatih intitut perguruan darulaman*. UUM: master's thesis.
- Harian Metro. (2012). Pengetua sekolah agama didakwa rasuah RM1.1 juta. Harian Metro Online, 16 Oktober 2012.



- Harun, H. (2006). Minat, Motivasi dan Kemahiran Mengajar Guru Pelatih. *Jurnal Pendidikan*. V31(1), pp, 83-96.
- Hassan, A. & Mohd, A. (2001). *Kursus Berfikir Untuk Kolej dan Universiti*. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Hassan, Z., Silong, A. D. & Muslim, N. (2009). Kepimpinan Beretika dan Kecemerlangan Organisasi dalam Perkhidmatan Awam. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 10 . pp. 39-52.
- Ibrahim, F. (2003). Falsafah dan Etika Kewartawanan di Malaysia: Antara Tuntutan Profesionalisme dan Kepentingan Industri. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 19. pp 59 – 78.
- Jaafar, R., Hassan, M. S. & Muhamad, N. (2010). Peranan Etika dalam Pelaporan Maklumat Alam Sekitar di Malaysia. *Jurnal Pengurusan* 31(2010) 13 -27.
- Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi. (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Johari, M. J. (2001). *Etika Profesional*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamri, N. A. (2008). Kefahaman dan Sambutan Terhadap Kod Etika Islam: Pengalaman Tabung Haji. *Jurnal Syariah* Jil. 16(1), 145-162.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2006). *Garis panduan praktikum program latihan khas siswazah pendidikan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement* 30, pp 607-610.
- Marican, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Md Zain, S., Wan Badaruzzaman, W. H., Elfithri, R., Ahmad Basri, N. E., Khatimin, N., Zaharim, A. & Suja, F.(2009). Kaji Selidik Pendidikan Alam Sekitar dan Keperluan Kepada Pembangunan Lestari Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina. *Seminar Pendidikan Kejuruteraan Kongres Pengajaran dan Alam Bina (PeKA '09) dan Pembelajaran UKM 200*. pp 44.



- Mohamad, B., Hashim, J., Esa, A., & Hassan, R. (2008). *Amalan membuat keputusan dalam kalangan guru besar. Seminar Kebangsaan Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG 2008)*, pp. 13-15.
- Mohd Noor, N. & Rameli, R. (2011). *Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja dalam kalangan guru teknikal sekolah menengah teknik daerah Johor Bahru*. unspecified . pp. 1-9. (Unpublished).
- Mohd Tahir, L. & Abdul Rahman, H. (2009). Peranan Etika Dalam Kepimpinan Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Jilid 8 Oktober 2002, hal.93-103*
- Mok, S. S. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Muhammad, A., Abdullah, A. H., Suratman, A. Z., Jasmi, K. A., & Mustari, M. I. (2006). *Tahap Profesionalisme Guru-Guru Pelatih Pendidikan Islam Dalam Latihan Praktikum. Universiti Teknologi Malaysia: Thesis Penyelidikan*.
- Newell, A. & Simon, H. (1972). *Human Problem Solving*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- O'Fallon, M. J. & Butterfield, K. D. (2005). A Review of the Empirical Ethical Decision-Making. *Journal of Business Ethics*. 59 (4). pp 375 – 413.
- Rowntree, D. (1981). *Statistics Without Tears: A Primer for non-Mathematicians*. London: Penguin.
- Saad, S. & Ishak, S. (2010). Pembudayaan Etika dan Penyelesaian Konflik dalam Kalangan Agen Pembangunan di Kelantan. *Akademika* 79. pp 53 – 63.
- Saibani, S. N. S., Nordin, M. S. & Saud, M. S. (2012). Integrasi Teknologi Hijau Dalam Kurikulum Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV). *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education, Volume 5 March 2012, Pages 11-19 / ISSN: 2231-7376*
- Stedham, Y., Yamamura, J. & Beekunn, R. (2007). *Gender differences in business ethics: justice and relativist perspectives*. *Business Ethics: A European Review*. V.16(2).
- Suhaimi, N., Hamzah, R. & Udin, A. (2011). Profesionalisme Guru PTV Dalam Membentuk Insan Sedar Kendiri (Self-Actualization) UTM. *Journal of Edupres, V(1), pp. 230-237*.



- Suhaimi, N., Mahmud, S. M. Z., Mohamad Ariff, N. A., Hamzah, R. & Saud, M. S. (2010). *Pelestarian Kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV)*. UTM: master's thesis.
- Sulaiman, E. (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Suratman, M. A., Mustari, A. S., Abdullah, M. I., Jasmi, A. H. & Azmi, K. (2006) *Level of professionalisme among islamic education trainees in practical teaching*. Project Report. Centre for Islamic Studies and Social Development, Skudai, Johor. (Unpublished)
- Syed Ismail al-Qudsy, S. H., Rahman, A. & Mohd Zain, M. I. (2009). Pengukuhan Nilai dan Profesionalisme di Kalangan Penjawat Awam ke Arah Efektif Governan di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(3), pp. 559-592.
- Tan, K. N. & Abdullah, A. G. K. (2007). Penggunaan Sumber Kuasa Guru Besar dari Perspektif Guru. USM. Monograph Series. 25/2007. Pp 1-39.
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. (2007). *Panduan Kemahiran Insaniah (Soft Skill)*. Batu Pahat, Johor: Penerbitan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. (2012). *Panduan Latihan Mengajar*. Batu Pahat: Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional.
- Van Dalen, D. P. (2002). *Memahami penyelidikan pendidikan*. 3rd ed. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Yahaya, A. (2008). *Keluarga dalam pembentukan moral*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Yunus, Y. (2008). *Etika dan Moral Profesional dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan*. UTHM: master's thesis.
- Zakaria, M., Mohamad, C. R. & Nik Wil, N. J. (2005). *The relationship between gender, moral reasoning and ethical decision making among accounting students of IPTA and IPTS in kelantan*. Project Report. Institute of Research, Development and Commercialization (IRDC), UiTM, Shah Alam, Selangor.

